

**Date and Time:** Sunday, 15 February 2026 11:12□pm +08

**Job Number:** 275785881

## Document (1)

1. [\\_Oai Kim Kuan lwn Jurutera Jajahan Jabatan Kerja Raya Kuala Krai dan lain-lain \(YMN Development Sdn Bhd, pihak ketiga\) \[2024\] MLJU 3528](#)

**Client/Matter:** -None-

**Search Terms:** oai kim kuan lwn jurutera jajahan jabatan kerja raya kuala krai dan lain-lain (ymn development sdn bhd, pihak ketiga) - [2024] mlju 3528

**Search Type:** Natural Language

**Narrowed by:**

**Content Type**  
MY Cases

**Narrowed by**  
-None-



# OAI KIM KUAN v JURUTERA JAJAHAN JABATAN KERJA RAYA KUALA KRAI DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis  
| [2024] MLJU 3528

## Oai Kim Kuan Iwn Jurutera Jajahan Jabatan Kerja Raya Kuala Krai dan lain-lain (YMN Development Sdn Bhd, pihak ketiga) [2024] MLJU 3528

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH SESYEN (KOTA BHARU)

DAZUKI ALI HMS

SAMAN NO DA-B51-5-10 TAHUN 2022

31 December 2024

### Dazuki Ali HMS:

#### ALASAN PENGHAKIMAN

##### Pengenalan

[1] Terdapat tiga pihak di dalam kes ini, di mana Plaintiff membawa tindakan terhadap Defendan-Defendan dan selanjut Defendan-Defendan telah membawa masuk Pihak Ketiga iaitu YMN Development Sdn Bhd selaras Aturan 16 Kaedah 2(2) [KKM 2012](#).

[2] Plaintiff merpakakan pentadbir kepada harta pusaka Lim Yat Toong, si mati yang telah meninggal dunia pada 27.11.2021. Si mati tersebut sebelum meninggal dunia merupakan pemilik tunggal perniagaan K.K ELECTRIC yang secara amnya menjalankan perniagaan membaiki kenderaan & jentera ringan dan berat, membaiki starter, alternator wiring dan bateri serta menjual alat ganti kenderaan.

[3] Defendan 1 sehingga Defendan 4 telah melaksanakan satu projek iaitu untuk menggantikan jambatan FT008/340/70 Kenor, Kuala Krai, Kelantan.

[4] Pihak Ketiga ialah kontraktor yang telah dilantik oleh Defendan-Defendan untuk melaksanakan kerja-kerja projek tersebut.

[5] Nilai kontrak projek tersebut ialah RM 8,798,000.00 dengan tempoh siap kerja 24 bulan. Projek tersebut bermula secara berperingkat mulai 16.1.2018 dan siap sepenuhnya pada 19.8.2020.

[6] Setelah perbicaraan penuh, saya memutuskan seperti berikut. Tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos, manakala tuntutan Defendan-Defendan terhadap Pihak Ketiga juga ditolak dengan kos. Di atas keputusan saya ini, pihak Plaintiff telah menfaikkan rayuan.

[7] Saya menolak tuntutan kerana Plaintiff telah gagal membuktikan kes di atas imbalan kebarangkalian.

##### Alasan Keputusan

[8] Alasan-alasan saya menolak tuntutan Plaintiff adalah sebagaimana berikut. Beban pembuktian adalah di atas imbalan kebarangkalian untuk Plaintiff membuktikan kesnya. Adalah menjadi keputusan saya bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan kesnya di atas imbalan kebarangkalian.

Oai Kim Kuan Iwn Jurutera Jajahan Jabatan Kerja Raya Kuala Krai dan lain-lain (YMN Development Sdn Bhd, pihak ketiga) [2024] MLJU 3528

[9] Dalam hal ini saya merujuk kepada [Seksyen 101](#), [102](#) dan [103](#) Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan undang-undang mengenai beban bukti sesuatu pihak terutamanya Plaintiff yang perlu membuktikan bahawa Defendan-Defendan telah melakukan tort kacau ganggu awam. [Seksyen 101](#), [102](#) dan [103](#) ini telah diperincikan dalam kes *International Times & Ors v. Leong Ho Yuen* [[1980](#)] [2 MLJ 86](#), di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa :

*“According to ss. 102 and 103 of the Evidence Act, if the party with whom this onus lies whether initially or subsequently as a result of its shifting does not give any or further evidence or gives evidence which is not sufficient, such party must fail.”*

[10] Terlebih dahulu sebagai isu awalan, Defendan berhujah dan menegaskan bahawa tindakan oleh Plaintiff adalah terhalang oleh [Seksyen 7](#) Akta Presiding Kerajaan 1956 yang dipetik seperti berikut:

**“Savings of acts done in exercise of public duties**

7.(1) Notwithstanding any other provisions of this Act to the contrary **no proceedings, other than proceedings for breach of contract, shall lie against the Government on account of anything done or omitted to be done or refused to be done by the Government or any public officer in exercise of the public duties of the Government.**

(2) For the purpose of subsection (1) the expression “exercise of public duties” includes-

(a) **the construction, maintenance, diversion and abandonment of railways, roads, bridle-paths or bridges;**

(3) **Nothing in this section shall prevent the bringing of any suit or damages or compensation arising out of negligence or trespass in the execution of any works of construction or maintenance undertaken by the Government in the exercise of the public duties.”**

[11] Otoriti yang dirujuk pihak Plaintiff ialah *Rajamani a/p Meyappa Chettiar v Eng Beng Development Sdn Bhd & Ors* [2023] AMEJ 0250. Manakala otoriti yang dirujuk pihak Defendan ialah *Raymond Cheah Choon Sing v Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah & Ors* [[2018](#)] [1 MLJ 362](#). Saya juga merujuk kes *Projek Lebuh Raya Utara-Selatan Sdn Bhd v Kim Seng Enterprise (Kedah) Sdn Bhd* [[2013](#)] [5 MLJ 360](#).

[12] Saya telah menimbang hujahan Plaintiff dan Defendan dan otoriti yang dirujuk oleh kedua-dua pihak di atas isu ini. Berdasarkan otoriti-otoriti di atas, adalah menjadi keputusan saya bahawa Plaintiff boleh menyaman Defendan di atas tort kacau ganggu awam dan tidak dihalang oleh [Seksyen 7](#) Akta Presiding Kerajaan 1956.

[13] Saya juga mengambil maklum pembelaan/isu ini tidak dihidkan oleh Defendan-Defendan namun telah dihidkan oleh kedua-dua pihak.

**Pertimbangan Merit Tuntutan Plaintiff**

[14] Selain menimbang dan memutuskan isu teknikal di atas, seterusnya saya menimbang merit tuntutan Plaintiff.

[15] Asas tindakan Plaintiff terhadap Defendan-defendan adalah berkenaan dengan kacau ganggu awam (*public nuisance*) oleh Defendan-Defendan yang didakwa telah menyebabkan kerugian kepada Plaintiff. Ini adalah ekoran dari kerja-kerja menggantikan jambatan FT008/340/70 Kenor, Kuala Krai, Kelantan. Dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut, Defendan-Defendan telah melantik YMN Development Sdn Bhd (YMM). Kerja-Kerja dilaksanakan bermula 16.1.2018 dan siap sepenuhnya pada 19.8.2020.

[16] Oleh itu YMN Development Sdn Bhd ialah Pihak Ketiga bagi maksud presiding dihadapan Mahkamah ini.

[17] Oleh itu isu-isu untuk diputuskan antara Plaintiff dan Defendan-Defendan adalah sebagaimana berikut:

- (i) sama ada Defendan-Defendan bertanggungjawab di bawah kausa tindakan kacau ganggu awam (*public nuisance*)?
- (ii) sama ada Defendan-defendan telah melakukan penutupan jalan dan/atau akses jalan di hadapan premis si mati sehingga menyebabkan kesukaran untuk mengakses ke premis si mati?

Oai Kim Kuan Iwn Jurutera Jajahan Jabatan Kerja Raya Kuala Krai dan lain-lain (YMN Development Sdn Bhd, pihak ketiga) [2024] MLJU 3528

- (iii) sama ada penutupan jalan dan/atau akses jalan oleh Defendan-Defendan telah menyebabkan kerugian, kecederaan atau ketidak-selesaian kepada pelanggan-pelanggan si mati dan kepada si mati sendiri.

**[18]** Di dalam menimbangkan isu-isu di atas, saya telah menimbangkan otoriti-otoriti yang dirujuk oleh kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan. Dalam hal ini, suka saya merujuk kes yang lebih menepati fakta kes di hadapan saya sekarang. Antaranya ialah kes *Chin Lih Lih & ors V Sunrise Alliance Sdn. Bhd. & Anor* [2011] AMEJ 0377, Mahkamah Tinggi menyatakan prinsip undang-undang berkenaan dengan kacau ganggu awam seperti berikut:

*“Being therefore a public road the plaintiffs are estopped from bringing a claim for private nuisance. However if the Plaintiffs intention is to mount a claim in public nuisance they will have to establish that they have sustained particular damage other than and beyond the general inconvenience suffered by the public and that particular damage which is sustained is direct and substantial. In this connection assuming that the Plaintiffss claim of congestion and safety is valid, I am unable to see how the Plaintiffs have suffered any damage over and above that suffered by the general public who use that road. It is also trite law that mere personal inconvenience cannot constitute special or particular damage for an individual to bring a claim for public nuisance.”*

**[19]** Manakala di dalam kes *John bin Until & 4 Ors (suing for and on behalf of themselves and the residents of Kampung Segaliud, Sandakan) v Prolific Yield Sdn Bhd & Anor* [2024] 4 AMR 534 yang mana Mahkamah telah menyatakan seperti berikut:

*“[27] As to what constitutes “nuisance”, the learned authors in Clerk & Lindsell on Torts, 18th Edn, London (Sweet & Maxwell, 2000), at p 979, stated the following: It is always a question of degree whether the interference with comfort or convenience is sufficiently serious to constitute a nuisance. The acts complained of as constituting the nuisance, such as voice, smells or vibration, will usually be lawful acts which only become wrongful from the circumstances under which they are performed, such as time, place, extent or the manner of performance. In organized society everyone must put up with a certain amount of discomfort and annoyance caused by the legitimate activities of his neighbors ...No precise or universal formula is possible, but a useful test is what is reasonable according to ordinary usages of mankind living in a particular society.”*

**[20]** Peguam Plaintiff di dalam hujahan bertulis telah menstruktur hujahan dan isu sebagaimana berikut:

Isu Pertama :

Sama ada defendan-defendan bertanggung di bawah kausa tindakan kacau ganggu awam (Public Nuisance)?

Sub Isu 1:

Gagal untuk mengambil kira kesusahan si mati selaku penghuni jalan awam dan gagal untuk membuat siasatan dan/atau pemeriksaan berkenaan kesan dihadapi oleh si mati;

Sub-isu 2:

Gagal menyediakan ruangan parkir alternatif;

Sub-isu 3:

Gagal untuk memastikan keadaan persekitaran projek berada dalam keadaan bersih, selamat dan menyenangkan; dan

Sub-isu 4:

Gagal memastikan kerja-kerja projek tidak menghalang / menjejaskan operasi kedai si mati

Isu Kedua:

Sama ada Defendan-defendan telah melakukan penutupan jalan dan/atau akses jalan di hadapan premis si mati sehingga menyebabkan kesukaran untuk mengakses ke premis si mati?

Isu Ketiga:

Sama ada penutupan jalan dan/atau akses jalan oleh Defendan-Defendan telah menyebabkan kerugian, kecederaan atau ketidak-selesaian kepada pelanggan-pelanggan si mati dan kepada si mati sendiri?

[21] Oleh itu bagi menjawab kesemua isu-isu di atas, saya merangkumkan alasan-alasan saya sebagaimana berikut. Isu (i) dan (ii), pada hemah saya tindakan Defendan yang mana telah dilaksanakan melalui Pihak Ketiga adalah termasuk melaksanakan kerja-kerja termasuk dan tidak terhad kepada kerja mengorek lubang besar, meletak penghadang/kon, menambun tanah dan penggunaan jentera-jentera besar, menutup laluan utama secara sementara, mmembina dan membuat laluan alternatif sehingga mengurangkan akses ke kedai Plaintiff, kesan debu dan lain-lain kesan akibat pembinaan dan kerja-kerja tersebut adalah kesan-kesan yang dijangkakan dan sememangnya berlaku. Kesan tersebut secara kumulatifnya tidak hanya dialami oleh Plaintiff sahaja tetapi juga oleh orang awam yang lain termasuk pengguna jalan raya dan pemilik kedai serta penghuni yang berdekatan dengan tapak kerja tersebut. Dengan kata lain kesan tersebut tidak hanya dialami oleh Plaintiff sahaja.

[22] Dalam pada itu, saya juga mendapati laluan ke kedai Plaintiff tidaklah ditutup sepenuhnya. Defendan-Defendan dan Pihak Ketiga telah menyediakan laluan alternatif ke kedai Plaintiff serta kedai berdekatan yang lain dan langkah mitigasi untuk mengurang kesan pembinaan kerja-kerja yang dilakukan kepada orang awam dan semua pihak termasuk Plaintiff.

[23] Saya juga mendapati bahawa tempat kerja-kerja yang dilakukan termasuk kerja mengorek jalan, menambun, tempat kenderaan berat diparkir semasa kerja-kerja yang dilakukan bukanlah tanah hak milik atau kepunyaan peribadi Plaintiff.

[24] Saya mendapati sejak dari awal sebelum projek ini dilaksanakan telah ada sesi libat urus (*engagement*) dengan semua pihak berkepentingan (*stake holders*) serta segala kemungkinan dan jangkaan telah diambil kira di dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut.

[25] Ini termasuklah berkenaan akses ke laluan kedai Plaintiff dan juga kedai-kedai lain. Adalah menjadi dapatan saya sebagaimana keterangan saksi dan eksibit bahawa laluan atau akses ke kedai Plaintiff dan lain-lain peniaga di situ tidak ditutup sepenuhnya dan masih boleh dilalui oleh pelanggan atau orang awam. Laluan alternatif telah disediakan oleh Defendan melalui Pihak Ketiga. Perlu diingatkan juga bahawa laluan yang ditutup itu bukanlah hartanah Plaintiff atau mana-mana individu sebaliknya adalah rezab jalan.

[26] Lantaran itu juga ruang parking di mana sebelum ini agak luas telah menjadi terhad. Namun begitu pada hemah saya keadaan tersebut tidak menghalang kenderaan keluar masuk ke premis deretan kedai di situ termasuk ke premis Plaintiff. Juga saya bersetuju dengan hujahan Defendan bahawa tidak menjadi kewajipan Defendan menyediakan parkir alternatif.

[27] Plaintiff juga berhujah panjang lebar berkenaan kegagalan Defendan memastikan persekitaran projek berada dalam keadaan bersih, selamat dan menyenangkan. Sebagaimana keterangan saksi dan eksibit, pada hemah saya pihak Defendan melalui Pihak Ketiga telah melaksana apa yang sepatutnya mereka laksanakan di dalam menanggapi isu ini termasuk memastikan jalan disiram untuk mengelakkan jalan berdebu, menambun laluan/jalan yang becak serta meletakkan kon-kon keselamatan di tempat tapak projek. Dalam hal ini dengan mengambil kira sifat (*nature*) perniagaan Plaintiff iaitu antara lain membaiki kenderaan dan juga sifat kerja-kerja yang dilaksanakan Defendan, saya berpendapat keadaan sedemikian adalah tidak keterlaluan dan langkah yang diambil adalah mencukupi. Plaintiff bukannya berniaga kedai makan atau jenis perniagaan seumpamanya yang mana faktor kebersihan (*hygiene*) menjadi pertimbangan utama pelanggan.

[28] Secara keseluruhannya saya berpendapat kesan-kesan yang berlaku akibat kerja-kerja yang dijalankan hanyalah ketidakselesaian peribadi (*personal inconvenience*) yang mana tidak mencukupi untuk Plaintiff membuktikan tindakan tort kacau ganggu awam oleh Defendan-Defendan di atasimbangan kebarangkalian. Tambahan lagi kerja-kerja tersebut dijalankan dalam tempoh yang tidak lama dan ketidak selesaian tersebut hanyalah sementara sahaja. Ianya berakhir selepas projek siap dilaksanakan. Kerja-kerja tersebut yang telah siap sepenuhnya, akhirnya akan membawa lebih banyak faedah kepada Plaintiff sendiri, peniaga-peniaga setempat dan juga orang awam secara keseluruhannya. Dalam hal ini kepentingan awam akan sentiasa melebihi keuntungan peribadi.

**Isu kerugian Plaintiff**

[29] Bagi isu (iii), saya memutuskan juga bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan kerugian yang dialami beliau. Plaintiff juga gagal membuktikan kerugian tersebut jika ada adalah akibat dari kacau ganggu awam oleh Defendan-Defendan. Dalam hal ini saya juga mengambil judicial notice bahawa di dalam tempoh tersebut juga adalah wabak Covid 19 berlaku di mana kerajaan telah mengenakan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berdasarkan tahap keseriusan Covid 19 semasa itu. Pada hemah saya faktor ini juga menjadi faktor yang menjejaskan perniagaan banyak pihak termasuk Plaintiff.

[30] Di dalam kes *Datuk Mohd Ali Hj Abdul Majid & Anor v Public Bank Bhd* [2014] 4 MLRA, Mahkamah Persekutuan Malaysia memutuskan bahawa :-

*(1) The claimant has the burden of proving both liability and quantum of damages, before he can recover the sum claimed. The burden of proving a fact is upon him who alleges it and not upon him who denies it, so that where a particular allegation forms an essential part of a person's case, the proof of such allegation falls on him (s. 103 of the Evidence Act 1950). If he fails to prove both the liability and the quantum of damages, he loses the action. Therefore, in a claim for damages, it was not sufficient for the plaintiff to merely state the amount of damages that he was claiming, he must prove the damage that he had in fact suffered to the satisfaction of the court (paras 32 & 33).*

[31] Oleh itu di dalam kes kita sekarang, saya mendapati pihak Plaintiff telah gagal membuktikan tort kacau ganggu awam (*public nuisance*) oleh Defendan-Defendan dan juga gagal membuktikan kerugian yang didakwa adalah akibat perbuatan atau ketinggalan oleh Defendan.

[32] Sebagai kesimpulan penghakiman ini, saya memutuskan pihak Plaintiff telah gagal di atas imbalan kebarangkalian membuktikan bahawa Defendan-Defendan telah melakukan kacau ganggu awam (*public nuisance*) dan mengakibatkan kerugian kepada Plaintiff.

**Tuntutan Defendan-Defendan Terhadap Pihak Ketiga**

[33] Bagi melengkapkan scenario kes ini, berikut ialah keputusan berkaitan tuntutan Defendan-Defendan terhadap Pihak Ketiga. Saya memutuskan bahawa Defendan-Defendan telah gagal membuktikan kes terhadap Pihak Ketiga di atas imbalan kebarangkalian. Oleh itu tuntutan Defendan-Defendan ditolak dengan kos. Pihak Defendan tidak merayu di atas keputusan saya ini.

[34] Saya mendapati Pihak Ketiga telah melaksanakan kerja-kerja sebagaimana kontrak yang dipersetujui. Sepanjang tempoh kerja-kerja dilaksanakan dan juga selepas kerja-kerja disiapkan sepenuhnya, tiada aduan terhadap pelanggaran mana-mana terma kontrak. Bayaran juga telah diterima sepenuhnya oleh Pihak Ketiga atas kerja-kerja yang dilakukan.